

# >>> Lawatan ke-2 KMUTT ke UniMAP, Meterai 2 Projek Kerjasama

**21 Ogos 2008** - Sebelas orang staf daripada King Mongkut's University of Technology Thonburi (KMUTT), Thailand, yang telah melawat UniMAP untuk kali ke-2 kalinya telah memeterai dua projek kerjasama di antara UniMAP dan KMUTT yang akan dijangka bermula bulan depan.

Projek yang pertama memfokus kepada pembangunan insaniah dan 'soft-skills', manakala projek yang kedua melibatkan pembangunan teknologi robot oleh pelajar di antara kedua-dua buah universiti ini.

"Kami telah berbincang mengenai kerjasama dalam bidang robot di antara KMUTT-UniMAP berbulan lamanya, dan akan membuat perbincangan untuk pelaksanaannya tengahari ini," kata Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal yang mempergerusikan mesyuarat tersebut hari ini.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Prof. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), yang

membincangkan bagaimana sektor industri di Thailand membuat banyak pengambilan pelajar lepasan ijazah yang muda. "Kami sedang dalam membuat persediaan untuk menghasilkan jurutera-jurutera yang tidak terlalu bergantung dengan makan gaji sebaik sahaja bergraduasi. Thailand dilihat berjaya dalam menghasilkan usahawan di kalangan jurutera, dan kami berminat mempelajarinya," kata beliau.

Naib Canselor UniMAP, Brigedier Jeneral Dato Prof. Dr. Kamarudin Hussin, di dalam perbincangan bersama Prof. Bundit Thipakorn, Timbalan Presiden (Perancangan dan Informasi) dan Prof Madya Dr. Booncharoen Sirinaovakul, Dekan Fakulti Kejuruteraan, KMUTT, menyatakan perlunya mengadakan mesyuarat tahunan di antara KMUTT dan UniMAP untuk memantau perkembangan segala projek kerjasama yang dijalankan.

"Kita mempunyai banyak projek kerjasama yang bagus di antara kita, kita perlu memantau perkembangannya," kata beliau.